

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	28/9/2019	MUKA SURAT : 69
JABATAN	:	JKPTG	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

7 pemilik tanah pertanian di Johan Setia diberi notis



Penguat kuasa MPK memeriksa warga asing ketika operasi mencegah aktiviti pembakaran tanah gambut di Johan Setia, Klang, kelmarin. (Foto Saddam Yusoff/BH)

Klang: Pejabat Daerah dan Tanah Klang mengeluarkan notis pelanggaran syarat (7A) terhadap tujuh pemilik tanah lot pertanian di Johan Setia, di sini, sepanjang tempoh masalah jeribu melanda, bulan ini.

Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pengurusan Tanah Klang, Mohd Shahrizal Mohd Salleh, berkata notis itu dikeluarkan selepas pemilik terbabit didapati membenarkan pembakaran terbuka berlaku di tanah mereka.

Beliau berkata, penerima notis diberi tempoh hingga tiga bulan bagi memulihkan pelanggaran syarat yang dilakukan.

“Jika pemilik tanah terbabit gagal memberi penjelasan mengenai pelanggaran syarat yang dilakukan, kita akan mengeluarkan notis 7B.”

“Notis 7B merujuk kesalahan melanggar syarat yang memerlukan pemilik tanah hadir untuk siasatan dan menjelaskan mengapa pa tanah berkenaan tidak boleh

dirampas menjadi hak kerajaan.

“Dalam tempoh siasatan, pemilik perlu mengemukakan alasan. Jika pemilik gagal mematuhi, kita akan merampas tanah itu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas operasi bersepadu mencegah aktiviti keba-

Jika pemilik tanah terbabit gagal memberi penjelasan mengenai pelanggaran syarat yang dilakukan, kita akan mengeluarkan notis 7B.

Mohd Shahrizal Mohd Salleh, Ketua Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pengurusan Tanah Klang

karan tanah gambut di Johan Setia, kelmarin.

Seramai 74 anggota daripada tujuh agensi terbabit dalam operasi itu, termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Pelabuhan Klang; Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan; Jabatan Alam Sekitar; Agensi Antitindakan Keabangsaan dan Majlis Perbandaran Klang.

Sementara itu, operasi kelmarin tidak menemukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka, namun empat warga asing yang dipercayai menjadikan tanah pertanian di Johan Setia sebagai penempatan dan bekerja di situ, ditahan jabatan Imigresen.

“Darpada 35 warga asing yang diperiksa, empat warga Myanmar didapati tamat tempoh pas pekerja dan pas lawatan.

“Mereka juga didapati bekerja dengan menaman sayuran komtan untuk dijual kepada penduduk setempat,” katanya.